

12 Oktober, 2017

Kepada semua Pengarang Berita

KENYATAAN MEDIA UNTUK EDARAN SEGERA

NUJ hari ini mengumumkan seorang lagi pengerusi cawangannya telah dipecat berkuatkuasa serta merta oleh sebuah syarikat akhbar berbahasa Cina.

Chua Cheong Wee, 48, yang sudah hampir 25 tahun berkhidmat sebagai wartawan di Kwong Wah Yit Poh Press Berhad yang berpangkalan di Pulau Pinang dipecat atas alasan tidak mengikut arahan ketua dan tidak menghormatinya dengan mengeluarkan kata-kata yang menyakitkan hati dan merendah-rendahkan ketuanya di depan kakitangan lain.

Ini merupakan pemecatan kedua pernah berlaku dalam tempoh lapan tahun membabitkan pengerusi cawangan NUJ.

Sebelum ini, pengerusi cawangan Utusan Melayu, Amran Ahmad pernah dipecat pada 2009 atas alasan berbeza dan sehingga kini masih menunggu keputusan dari Mahkamah Perusahaan.

Sebagai latar belakang kes, Chua telah dipindahkan dari ibu pejabat Kwong Wah di Pulau Pinang ke pejabat cawangan di Kuala Lumpur pada April lalu.

Beliau terpaksa menumpang tinggal di pejabat Nuj di Brickfield kerana tidak mampu membayar sewa yang tinggi di Kuala Lumpur.

Selain itu beliau terpaksa berulang-alik ke Pulau Pinang sekurang-kurangnya seminggu sekali kerana isteri yang tidak bekerja tetap dan dua anaknya yang masih bersekolah ditinggalkan di sana.

Salah satu alasan Chua dipecat ada berkait dengan penolakan permohonan cutinya untuk pulang bersama keluarga telah ditolak ketuanya di Kuala Lumpur menyebabkan dia membantah dengan keras.

Bantahannya itu telah dirakam dan dijadikan bukti untuk memecatnya.

Esok Chua akan memfailkan kes pemecatannya itu ke Jabatan Perhubungan Perusahaan di Pulau Pinang bagi menuntut keadilan.

MOHD. TAUFEEK RAZAK
Presiden NUJ Malaysia

